FAMA Perakwujud 20 pusat pengumpulan sementara buah-buahan bermusim

Article Details

Date	28 Jun 2026	Ad Value	MYR 580
Media	Utusan Borneo Sarawak	PR Value	MYR 1,741
Journalist	N/A	Spokespersons	-
Sentiment	Neutral	Topic	• FAMA
Page Number	13		
Article Color	Black & White		

FAMA Perak wujud 20 pusat pengumpulan sementara buah-buahan bermusim

GOPENG: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Perak telah mewujudkan sebanyak 20 pusat pengumpulan sementara (PPS) buah-buahan bermusim di seluruh negeri berkenaan.

Pengarah FAMA Perak Azleena Zainal Abidin berkata, PPS itu diwujudkan bagi memudahkan proses pengumpulan, pembersihan, penggredan dan pemasaran hasil buah-buahan, khususnya bagi durian yang kini memasuki musim puncak.

Beliau berkata, pihaknya turut memperluaskan rangkaian pemasaran durian melalui Program Jualan Agro MADANI, Agrobazaar, jualan di pejabat kerajaan, kawasan perumahan serta pelbagai lokasi jualan strategik di seluruh negara.

"Inisiatif ini membolehkan pengguna mendapatkan durian segar yang berkualiti pada harga berpatutan, di samping membantu usahawan memasarkan hasil pertanian mereka dengan lebih pantas, sistematik dan berkesan.

"Bagi mengatasi lebihan hasil dan meningkatkan nilai tambah produk, Pusat Operasi FAMA Negeri Perak turut mengambil inisiatif melaksanakan aktiviti pemprosesan pes durian sebagai satu daripada strategi pemasaran dan penambahan nilai," katanya.



RAJA BUAH: Mohd Zolkafly Harun menunjukkan buah durian 'Batu Kurau' yang dijual pada Jualan Agro MADANI Mega @ RTC Perak semalam. — Gambar Bernama

Beliau berkata demikian pada Program Jualan Agro MADANI Mega yang disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan negeri Datuk Mohd Zolkafly Harun di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Gopeng di sini semalam.

Azleena berkata, inisiatif itu memberi peluang kepada pekebun memasarkan durian kampung yang sukar dijual dalam bentuk segar, di samping mengurangkan kerugian akibat lebihan hasil.

Menurut Azleena, melalui pemprosesan itu, durian dapat dihasilkan sebagai pes berkualiti yang mempunyai jangka hayat simpanan lebih panjang dan berpotensi dipasarkan kepada industri pemprosesan makanan, bakeri, pencuci mulut serta pasaran eksport.

Dalam pada itu, Azleena berkata, FAMA Perak berjaya memasarkan 1,126 tan metrik durian dengan nilai jualan mencecah RM3.38 juta sepanjang tempoh 9 hingga 21 Jun lepas.

Beliau berkata, pencapaian itu membuktikan keberkesanan jaringan pemasaran FAMA dalam memastikan hasil durian tempatan dapat disalurkan kepada pengguna secara efisien, sekaligus mengurangkan lambakan hasil di peringkat ladang dan memastikan pengusaha memperoleh pulangan yang lebih baik. — Bernama

GOPENG: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Perak telah mewujudkan sebanyak 20 pusat pengumpulan sementara (PPS) buah-buahan bermusim di seluruh negeri berkenaan. Pengarah FAMA Perak

Azleena Zainal Abidin berkata, PPS itu diwujudkan bagi memudahkan proses pengumpulan, pembersihan, penggredan dan pemasaran hasil buah-buahan, khususnya bagi durian yang kini memasuki musim puncak. Beliau berkata, pihaknya turutmemperluaskan rangkaian pemasaran durian melalui ProgramJualan Agro MADANI, Agrobazaar, jualan di pejabat kerajaan, kawasan perumahan serta pelbagai lokasi jualan strategik di seluruh negara. "Inisiatif ini membolehkan pengguna mendapatkan durian segar yang berkualiti pada harga berpatutan, di sampingmembantuusahawan memasarkan hasilpertanian mereka dengan lebih pantas, sistematik dan berkesan. "Bagi mengatasi lebihan hasil dan meningkatkan nilai tambah produk,PusatOperasi FAMA Negeri Perak turut mengambil inisiatif melaksanakanaktiuiti pemprosesan pes durian sebagai satu daripada strategi pemasaran dan penambahan nilai," katanya. Beliau berkata demikian pada Program Jualan Agro MADANI Mega yang disempurnakan PengerusiJawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan negeri Datuk Mohd Zoikafly Harun di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Gopeng di sini semalam. Azleena berkata, inisiatif itu memberi peluang kepada pekebun memasarkan durian kampung yang sukar dijual dalam bentuk segar, di samping mengurangkan kerugian akibat lebihan hasiL Menurut Azleena, melalui pemprosesan itu, durian dapat dihasilkan sebagai pes berkualiti yang mempunyai jangka hayat simpanan lebih panjang dan berpotensi dipasarkan kepada industri pemprosesan makanan, bakeri, pencuci mulut serta pasaran eksport. Dalam pada itu, Azleena berkata, FAMA Perak berjaya memasarkan 1,126 tan metrik durian dengan nilai jualan mencecahRM3.38juta sepanjang tempoh9hingga21 Jun lepas. Beliau berkata, pencapaian itu membuktikan keberkesanan jaringan pemasaran FAMA dalam memastikan hasildurian tempatan dapat disalurkan kepada pengguna secara efisien,sekaligus mengurangkan lambakan hasildi peringkat ladang danmemastikan pengusaha memperoleh pulangan yang lebih baik. - Bernama